

CNS1365

U GB 10-02 00184 B711

REPEAT BAH

Mahathir - PBS

MANIFESTO PBS UNTUK HAPUS AMALAN RASUAH GANJIL, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 10 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyifatkan sebagai ganjil manifesto pilihan raya Parti Bersatu Sabah (PBS) yang antara lain menyebut hendak menghapuskan amalan rasuah.

"Inilah keganjilan dalam PBS, sementara pemimpinnya didapati bersalah kerana rasuah, dia masih juga terus hendak bertanding, hendak jadi wakil rakyat dan cakap pula bahawa dia hendak hapuskan rasuah," katanya.

"Ini yang aneh, orang yang kita tidak boleh pegang percakapannya," kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas menqunjungi majlis rumah terbuka Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding di Bukit Damansara, di sini sempena Tahun Baru Cina.

Dr Mahathir berkata demikian sewaktu diminta menqulas mengenai satu daripada janji dalam manifesto PBS menjelang pilihan raya negeri itu 18 dan 19 Feb ini bahawa parti itu akan terus mencari penyelesaian untuk menghapuskan amalan rasuah.

Perdana Menteri berkata, sebelum PBS mahu menghapuskan rasuah, parti yang mempunyai pemimpin yang rasuah itu perlu menghapuskan pemimpinnya terlebih dahulu. -- Lagi.

▼10/02/20-30MST

U GB 10-02, 00135 BA651

BAH

Mahathir - PBS 2 (Akhir) Kuala Lumpur

"Ini sudah dibuktikan mahkamah... dia telah didapati bersalah dalam kes rasuah," katanya.

Walaupun tidak menyebut nama pemimpin terbabit, beliau secara terangnya menunjukan komen itu kepada Presiden PBS, Datuk Joseph Pairi Kitingan, yang baru-baru ini didapati bersalah oleh mahkamah kerana amalan rasuah.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) sebelum ini pernah membidas Pairin kerana masih mahu bertanding dalam pilihan raya negeri itu walaupun sudah didapati bersalah kerana rasuah.

Yang turut menqunjungi rumah terbuka itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Napsiah Omar, Menteri Belia dan Sukan, Haji Abdul Ghani Othman dan Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Omar. -- Bernama.

AFY KAM.